

13/08/1997

PM tinjau projek di Kedah

ALOR STAR, Selasa - Perdana Menteri akan mengadakan lawatan sehari ke Kedah, Khamis ini bagi meninjau beberapa projek yang sedang dilaksanakan kerajaan negeri.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijangka tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Kepala Batas, dekat sini, pada jam 8.30 pagi, dijadual merasmikan Menara Alor Star, kira-kira jam 9 pagi.

Menara setinggi 165.5 meter milik Syarikat Telekom Malaysia Bhd (Telekom) itu dibina dengan kos RM40 juta bagi tujuan komunikasi selain satu daripada destinasi pelancongan menarik di Kedah.

Menara konkrit ke-18 tertinggi di dunia itu di buka kepada orang ramai, Mac lalu.

Dr Mahathir kemudiannya dijadualkan melawat Rumah Rakan Kedah di Jalan Sultanah, di sini, yang diubah suai daripada kuarters pegawai kerajaan negeri untuk dijadikan pusat media selain pusat pameran pelbagai projek pembangunan.

(END)